

**TAPAK DAN BENTUK PENGEBUMIAN TRADISI
MEGALITIK DI LONG PASIA, SABAH**

NURUL MARDHIAH BINTI AHMAD LOTFEE



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2019

**TAPAK DAN BENTUK PENGEBUMIAN
TRADISI MEGALITIK DI LONG PASIA, SABAH**

NURUL MARDHIAH BINTI AHMAD LOTFEE



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI KEMANUSIAAN SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Tarikh : 5 Julai 2019

Nurul Mardhiah Binti Ahmad Lotfee
MA1611045T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : NURUL MARDHIAH BINTI AHMAD LOTFEE

NO. MATRIK : MA1611045T

**TAJUK : TAPAK DAN BENTUK PENGEBUMIAN TRADISI
MEGALITIK DI LONG PASIA, SABAH**

IJAZAH : SARJANA SASTERA (SEJARAH)

TARIKH VIVA : 17 APRIL 2019



DISAHKAN OLEH;

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Tandatangan

Penyelia

En.Baszley Bee Basrah Bee

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah dan kurniaNya saya berpeluang membuat kajian tentang perkembangan Tapak Dan Bentuk Pengebumian Tradisi Megalitik Di Long Pasia. Atas izin-Nya juga tesis ini berjaya disiapkan sepenuhnya berkat daripada doa, usaha dan tawakal. Dalam menghasilkan kajian ini saya telah memperoleh pengalaman dan ilmu baru yang tidak mudah didapati di tempat lain.

Penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan khas kepada Encik Baszley Bee Basrah Bee selaku penyelia saya yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah yang mengajar saya khususnya pensyarah Program Sejarah yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan membimbing sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada responden-responden yang ditemu bual terutamanya kepada penduduk Long Pasia yang terlibat dalam memberikan maklumat berkenaan kajian ini. Ucapan penghargaan ini juga ditujukan kepada Muzium Negeri Sabah dan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah yang telah banyak menyumbang maklumat yang berguna untuk kajian ini. Setinggi penghargaan diucapkan kerana memberikan kerjasama di dalam proses pengumpulan bahan untuk rujukan.

Penghargaan yang tidak terhingga saya ucapkan buat ahli keluarga yang tercinta kerana telah banyak membantu dalam pelbagai keadaan sepanjang pengajian dan dalam menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Ucapan ikhlas ini ditujukan istimewa buat ibu bapa saya En. Ahmad Lotfee Bin A.M Zahari, Pn. Latifah Binti Maidin, adik-beradik saya, Nur Atiqah, Nur Syuhairah, Nur Farhanah dan Nur Nadhirah di atas doa, dorongan, kata-kata semangat, sumbangan dan pengorbanan yang telah diberikan selama ini.


Sejambak penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat seperjuangan saya yang telah banyak menyokong dari sudut moral dan membantu saya sepanjang pengajian ini. Terima kasih atas dorongan yang telah diberikan dan kerjasama dalam menyiapkan pelbagai tugas sepanjang pengajian ini. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan untuk semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan latihan ilmiah ini. Sekian, semoga Allah S.W.T memberkati segala kebaikan yang telah diberi.

Nurul Mardhiah Binti Ahmad Lotfee

5 Julai 2019

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan tapak pengebumian Tradisi Megalitik di sekitar perkampungan Long Pasia daerah Sipitang, Sabah dalam bentuk kubur batu kepingan dan dolmen. Kajian adalah dari sudut seni bina, reka bentuk dan merekonstruksi tapak dolmen dalam konteks ilustrasi. Tapak pengebumian sedemikian mempunyai keunikan yang tersendiri kerana reka bentuknya dan satu-satunya tapak yang ditemui di Sabah. Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan arkeologi dengan merujuk data survei lapangan yang telah dilakukan dari tahun 2009 sehingga 2016. Kajian lapangan pada tahun 2017 juga turut menjumpai tapak baru. Kajian ini mendapati bahawa reka bentuk tapak pengebumian di Long Pasia adalah berbeza jika dibandingkan dengan reka bentuk di tempat lain di Borneo khususnya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

MEGALITHIC TRADITION BURIAL SITE AND STRUCTURE IN LONG PASIA, SABAH

The study is focusing on burial site of megalithic tradition in Long Pasia, Sipitang Sabah in term of slab grave and dolmen. This study also including architecture, design and reconstruction of dolmen site in illustration context. The burial site was very unique that it was found only in Sabah. This research used an archaeological approach along with reference on past archaeological work that has been done from 2009 till 2016. Research on 2017 also found a new sites. The research also indicates that the burial struture in Long Pasia is differ from any other burial site in Borneo.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI FOTO	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI PETA	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	1
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Kepentingan Kajian	4
1.5 Sorotan Literatur	5
1.6 Metodologi	11
1.6.1 Survei Primer	11
1.6.2 Survei Sekunder	12
1.6.3 Analisis Rekonstruksi	15
1.6.4 Interpretasi	15
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Pembahagian Struktur Kajian	16
1.9 Kesimpulan	18

BAB 2: ASAL USUL TAPAK PENGEBUMIAN MEGALITIK

2.1	Pengenalan	18
2.2	Konsep Tradisi Megalitik	18
2.3	Faktor Pemilihan Batuan Dalam Binaan	26
2.4	Tradisi Megalitik Dalam Konteks Malaysia	27
2.5	Tradisi Megalitik Dalam Konteks Sabah	32
2.6	Jenis Tinggalan Monumen Pengebumian Tradisi Megalitik	35
2.7	Dolmen	40
2.7.1	Dolmen Di Malaysia	43
2.8	Kubur Batu Kepingan	46
2.8.1	Kubur Batu Kepingan Di Malaysia	48
2.9	Jenis Pengebumian Tempayan Dan Dolmen	50
2.10	Latar Belakang Masyarakat Lundayeh	59
2.11	Kesimpulan	61

BAB 3: TAPAK DAN REKA BENTUK PENGEBUMIAN TRADISI MEGALITIK DI LONG PASIA

3.1	Pengenalan	62
3.2	Latar Belakang Tapak	62
3.2.1	Tapak Kubur Batu Kepingan	63
3.2.2	Tapak Dolmen	65
3.3	Taburan Tapak Pengebumian Megalitik Di Long Pasia	66
3.4	Tapak Kubur Batu Kepingan (SG)	69
3.4.1	Tapak SG01	69
3.4.2	Tapak SG02	74
3.4.3	Tapak SG03	78
3.5	Perbandingan Kondisi Tapak Kubur Batu Kepingan Di Long Pasia	82
3.6	Tapak Dolmen (D)	85
3.6.1	Tapak D01	85
3.6.2	Tapak D02	90

3.6.3	Tapak D03	94
3.7	Pertentangan Versi Tradisi Lisan Masyarakat Lundayeh Dan Perspektif Arkeologi	101
3.7.1	Kubur Batu Kepingan	101
3.7.2	Dolmen	102
3.8	Kesimpulan	103

BAB 4: REKONSTRUKSI ILUSTRASI TAPAK DOLMEN

4.1	Pengenalan	104
4.2	Rekonstruksi Dolmen	104
4.3	Aspek Penilaian Pelan Rekonstruksi	105
4.3.1	Asas Binaan Umum	105
4.3.2	Bentuk Runtuhan	107
4.3.3	Strata Runtuhan	107
4.4	Bentuk Pelan Rekonstruksi	108
4.4.1	Ilustrasi Rekonstruksi 2D	108
4.4.2	Ilustrasi Rekonstruksi 3D	109
4.5	Ilustrasi Rekonstruksi Tapak D01	110
4.5.1	Ilustrasi Kepingan Batu Binaan	110
4.5.2	Ilustrasi Rekonstruksi 2D	113
4.5.3	Ilustrasi Rekonstruksi 3D	115
4.6	Ilustrasi Rekonstruksi Tapak D02	117
4.6.1	Ilustrasi Kepingan Batu Binaan	117
4.6.2	Ilustrasi Rekonstruksi 2D	122
4.6.3	Ilustrasi Rekonstruksi 3D	125
4.7	Ilustrasi Rekonstruksi Tapak D03	127
4.7.1	Ilustrasi Kepingan Batu Binaan	128
4.7.2	Ilustrasi Rekonstruksi 2D	131
4.7.3	Ilustrasi Rekonstruksi 3D	133
4.8	Perbandingan Dari Segi Fizikal Tapak Dolmen Di Long Pasia	135
4.9	Perbandingan Dolmen Di Long Pasia, Sarawak Dan Kalimantan	137
4.10	Kesimpulan	138

BAB 5: ISU DAN PEMELIHARAAN TAPAK KUBUR BATU	
KEPINGAN DAN DOLMEN	
5.1	Pengenalan 139
5.2	Jenis Ancaman Terhadap Tapak Megalitik Di Long Pasia 139
5.2.1	Ancaman Politik 139
5.2.2	Ancaman Ekonomi 140
5.2.3	Ancaman Sosial 142
5.2.4	Ancaman Alam Semula jadi 146
5.3	Isu Dan Cabaran 155
5.3.1	Pengurusan 155
5.3.2	Pewartaan 155
5.3.3	Kesedaran Masyarakat 157
5.3.4	Kekangan Penyelidikan 159
5.3.5	Keterbatasan Sumber 160
5.4	Rekomendasi Pemeliharaan Tapak 161
5.4.1	Perlindungan 161
5.4.2	Pemeliharaan Dan Pemuliharaan 169
5.5	Kesimpulan 177
BAB 6: KESIMPULAN	178
RUJUKAN	183
GLOSARI	192
LAMPIRAN	193

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Inventori Tapak Kubur Batu Kepingan Sehingga 2016	64
Jadual 3.2	Inventori Tapak Dolmen Sehingga 2016	66
Jadual 3.3	Perbandingan Tapak SG01,SG02 dan SG03	83
Jadual 4.1	Perbandingan Tapak Dolmen D01,D02 dan D03	136
Jadual 4.2	Perbandingan Dolmen Long Pasia, Sarawak dan Kalimantan	137



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI FOTO


	Halaman
Foto 2.1 Dolmen atau <i>Batu Ritong</i> Di Sarawak	54
Foto 2.2 Bentuk tempayan yang berada di Upper Bahau, Kalimantan	55
Foto 2.3 Binaan dolmen pengebumian di Kalimantan	57
Foto 3.1 Keadaan Tapak SG01	70
Foto 3.2 Keadaan Tapak SG01	70
Foto 3.3 Keadaan Tapak SG02	75
Foto 3.4 Keadaan tapak SG03	79
Foto 3.5 Keadaan tapak D01	86
Foto 3.6 Bahagian kaki tapak D01	86
Foto 3.7 Keadaan tapak D02	90
Foto 3.8 Ukiran pada tapak D03	97
Foto 3.9 Keadaan tapak D03	97
Foto 5.1 Besi di dalam Tapak SG02	144
Foto 5.2 Tapak SG01 ditumbuhi belukar	149
Foto 5.3 Tapak SG02 dipenuhi dengan alga	150
Foto 5.4 Pokok merosakkan tapak SG03	150
Foto 5.5 Akar pokok tumbuh menutupi sebahagian atap tapak D03	151

SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 3.1	Pandangan atas SG01	71
Rajah 3.2	Pandangan dari utara SG01	72
Rajah 3.3	Pandangan dari barat SG01	72
Rajah 3.4	Pandangan dari selatan SG01	73
Rajah 3.5	Pandangan dari timur SG01	73
Rajah 3.6	Pandangan Atas SG02	75
Rajah 3.7	Pandangan dari utara SG02	76
Rajah 3.8	Pandangan dari barat SG02	76
Rajah 3.9	Pandangan dari selatan SG02	77
Rajah 3.10	Pandangan dari timur SG02	77
Rajah 3.11	Pandangan Atas SG03	79
Rajah 3.12	Pandangan dari utara SG03	80
Rajah 3.13	Pandangan dari barat SG03	80
Rajah 3.14	Pandangan dari selatan SG03	81
Rajah 3.15	Pandangan dari timur SG03	81
Rajah 3.16	Pandangan atas D01	87
Rajah 3.17	Pandangan dari utara D01	88
Rajah 3.18	Pandangan dari barat D01	88
Rajah 3.19	Pandangan dari selatan D01	89
Rajah 3.20	Pandangan dari timur D01	89
Rajah 3.21	Pandangan atas D02	91
Rajah 3.22	Pandangan dari utara D02	92
Rajah 3.23	Pandangan dari barat D02	92
Rajah 3.24	Pandangan dari selatan D02	93
Rajah 3.25	Pandangan dari timur D02	93
Rajah 3.26	Pandangan atas D03	98
Rajah 3.27	Pandangan dari utara D03	99
Rajah 3.28	Pandangan dari barat D03	99
Rajah 3.29	Pandangan dari selatan D03	100
Rajah 3.30	Pandangan dari timur D03	100
Rajah 4.1	Bahagian atap A tapak D01	111

Rajah 4.2	Bahagian kaki B tapak D01	111
Rajah 4.3	Bahagian kaki C tapak D01	112
Rajah 4.4	Bahagian kaki D tapak D01	112
Rajah 4.5	Pandangan 2D bahagian kaki B tapak D01	113
Rajah 4.6	Pandangan 2D bahagian kaki C tapak D01	114
Rajah 4.7	Pandangan 2D bahagian kaki D tapak D01	114
Rajah 4.8	Pandangan 3D arah utara tapak D01	115
Rajah 4.9	Pandangan 3D arah selatan tapak D01	115
Rajah 4.10	Pandangan 3D arah barat tapak D01	116
Rajah 4.11	Pandangan 3D arah timur tapak D01	116
Rajah 4.12	Bahagian atap A tapak D02	118
Rajah 4.13	Bahagian kaki B tapak D02	119
Rajah 4.14	Bahagian kaki C tapak D02	119
Rajah 4.15	Bahagian kaki D tapak D02	120
Rajah 4.16	Bahagian kaki E tapak D02	120
Rajah 4.17	Bahagian kaki F tapak D02	121
Rajah 4.18	Bahagian kaki G tapak D02	121
Rajah 4.19	Pandangan 2D bahagian kaki B tapak D02	122
Rajah 4.20	Pandangan 2D bahagian kaki C tapak D02	122
Rajah 4.21	Pandangan 2D bahagian kaki D tapak D02	123
Rajah 4.22	Pandangan 2D bahagian kaki E tapak D02	123
Rajah 4.23	Pandangan 2D bahagian kaki F tapak D02	124
Rajah 4.24	Pandangan 2D bahagian kaki G tapak D02	124
Rajah 4.25	Pandangan 3D arah barat tapak D02	125
Rajah 4.26	Pandangan 3D arah selatan tapak D02	126
Rajah 4.27	Pandangan 3D arah timur tapak D02	126
Rajah 4.28	Pandangan 3D arah utara tapak D02	127
Rajah 4.29	Bahagian atap A tapak D03	129
Rajah 4.30	Bahagian kaki B tapak D03	129
Rajah 4.31	Bahagian kaki C tapak D03	130
Rajah 4.32	Ukiran pada bahagian kaki C tapak D03	130
Rajah 4.33	Bahagian kaki E tapak D03	131
Rajah 4.34	Pandangan 2D bahagian kaki B tapak D03	131


Rajah 4.35	Pandangan 2D bahagian kaki C tapak D03	132
Rajah 4.36	Pandangan 2D bahagian kaki D tapak D03	132
Rajah 4.37	Pandangan 3D arah selatan tapak D03	133
Rajah 4.38	Pandangan 3D arah utara tapak D03	134
Rajah 4.39	Pandangan 3D arah timur tapak D03	134
Rajah 4.40	Pandangan 3D arah barat tapak D03	135



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI PETA

		Halaman
Peta 1.1	Lokasi kajian kawasan Long Pasia	16
Peta 3.1	Kedudukan Kubur Batu Kepingan SG01, SG02 dan SG03	68



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


SENARAI SINGKATAN

FORMADAT	Forum Masyarakat Adat Dataran Tinggi Borneo
IFLA	International Federation Of Landscape Architects
JMBRAS	Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society
JMNS	Jabatan Muzium Negeri Sabah
JWN	Jabatan Warisan Negara
SMJ	The Sarawak Museum Journal
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNESCO	United Nations Educational, Scientific Cultural Organization
UPArk	Unit Penyelidikan Arkeologi Borneo
WWF	World Wildlife Fund



SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A Runtuhan Tapak D03	193
Lampiran B Tapak SG03	194
Lampiran C Runtuhan Tapak D01 dan D02	195
Lampiran D Proses Mendapatkan Ukuran Pandangan Vertikal	196



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Prasejarah dunia yang bermula dengan zaman Paleolitik, Mesolitik, Neolitik dan Logam merupakan proses peralihan tahap kebudayaan manusia. Memasuki zaman Neolitik telah wujud suatu tradisi yang begitu tersebar luas ke serata dunia yang dikenali sebagai Tradisi Megalitik. Tradisi Megalitik bermaksud peninggalan budaya prasejarah yang menggunakan batuan besar. Tradisi Megalitik boleh dibuktikan melalui tinggalan binaan batu seperti dolmen, menhir, arca batu, kubur batu dan beberapa jenis yang lain. Penemuan tradisi ini di Malaysia agak terhad di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah dan Sarawak.

Bentuk yang agak kompleks binaan Tradisi Megalitik adalah yang melibatkan atau berfungsi sebagai kubur. Tapak pengebumian kubur batu kepingan dan dolmen mempunyai reka bentuk yang berbeza mengikut lokasi. Kajian ini memfokuskan kepada reka bentuk binaan batu yang berfungsi sebagai tapak pengebumian yang ditemukan di Kg. Long Pasia dalam bentuk kubur batu kepingan dan dolmen. Hingga kini hanya diketahui bahawa Kg. Long Pasia sahaja yang diketemukan kedua bentuk pengebumian tersebut di Malaysia.

1.2 Permasalahan Kajian

Binaan tinggalan Tradisi Megalitik dijumpai di serata pelosok dunia dan kajian tentang tinggalan Tradisi Megalitik ini telah banyak dilakukan oleh para pengkaji. Penemuan tersebut menunjukkan tinggalan Tradisi Megalitik mempunyai sebuah makna yang cukup besar kepada masyarakat terdahulu sehingga menjadi suatu budaya yang penting dan berpengaruh. Penentuan budaya besar ini sebagai sebuah tradisi tentunya mempunyai beberapa maksud dan ciri-ciri tertentu. Penentuan makna Tradisi Megalitik dan ciri-cirinya telah dirungkaikan oleh banyak

pengkaji bagi menentukan jenis sesebuah binaan sebagai tinggalan binaan Tradisi Megalitik. Walau bagaimanapun para pengkaji mempunyai banyak pendapat dalam menjelaskan konseptual dan kontekstual sebenar Tradisi Megalitik. Oleh yang demikian pemahaman masyarakat berkenaan konsep tradisi megalitik agak kurang jelas dan mengelirukan.

Penemuan binaan kubur batu keping di Malaysia sehingga kini hanya terbatas di Lembah Bernam sahaja, seolah-olah budaya tersebut hanya wujud di kawasan tersebut di Malaysia. Di sini menunjukkan bahawa kajian terhadap tinggalan megalitik di Borneo kurang didedahkan kepada dunia luar. Hal ini kerana kajian masih terbatas atas fakta taburan yang hanya di kawasan tertentu dan sukar di akses. Penemuan pada tahun 2007 telah menjumpai dan mengesahkan tapak kubur jenis batu kepingan dan dolmen telah lama wujud di kawasan perkampungan Long Pasia. Binaan batu ini jelas berbeza bentuk binaannya. Kewujudan kubur batu kepingan tersebut menjadi buah mulut masyarakat sekitarnya sejak beberapa dekad lalu. Penduduk setempat mempunyai pelbagai cerita mengenai asal usul tinggalan ini yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Tapak kubur batu kepingan yang ditemui di Long Pasia juga mempunyai karektarik yang tersendiri khususnya dari sudut fizikal dan lokasinya. Masih banyak kekeliruan yang dihadapi dalam memahami fungsi dan tujuan sebenar binaan batu ini didirikan. Justeru itu, penjelasan fungsi dan tujuan pembinaan sesebuah jenis kubur batu kepingan dan dolmen perlu di runkaikan agar keunikan kedua-dua jenis binaan ini dapat ditonjolkan.

Daripada penemuan binaan tapak dolmen di Long Pasia pada tahun 2007 menunjukkan bahawa dolmen D01 dan D02 dalam keadaan yang telah runtuh. Oleh itu, sukar menentukan bentuk sebenar keadaan dolmen tersebut. Runtuhan terhadap binaan tinggalan Tradisi Megalitik banyak berlaku disebabkan telah melalui tempoh yang sangat lama dan atas faktor-faktor tertentu. Tinggalan seperti binaan *stonehenge* yang amat popular di Eropah merupakan salah satu binaan Tradisi Megalitik yang pernah menghadapi keruntuhan. Namun hasil daripada kajian yang dijalankan dan anisiatif para pengkaji, mereka telah melakukan rekonstruksi terhadap tapak *stonehenge*. Hasilnya *stonehenge* telah berjaya didirikan semula seperti keadaan asal dan menjadi sebuah bukti

kewujudan binaan tinggalan Tradisi Megalitik di Eropah. Berdasarkan tapak rekonstruksi *stonehenge* yang telah runtuh maka pembinaan pelan rekonstruksi tapak dolmen di Long Pasia perlu dilakukan sebagai bukti kewujudan dan keunikan reka bentuk dolmen di Long Pasia.

Usaha pemuliharaan dan pelestarian tapak megalitik di Sabah banyak tertumpu di kawasan Pantai Barat sahaja kerana dianggap lebih mudah berbanding di kawasan pedalaman seperti Long Pasia. Tapak tradisi Megalitik di Long Pasia ini terdedah dengan pelbagai ancaman semula jadi dan manusia. Perkembangan demografi dan penerokaan untuk tujuan ekonomi alam semakin giat dilakukan bagi memenuhi keperluan hidup masyarakat setempat. Selain alam semulajadinya, tinggalan warisan ini menghadapi ancaman yang sangat besar khususnya pembukaan tanah secara meluas yang mengakibatkan kemusnahan artifak, fitur dan tapak. Kewujudan peninggalan Tradisi Megalitik di Long Pasia masih kurang diketahui umum menyebabkan masyarakat tidak mengetahui nilai yang terdapat di tempat tersebut. Usaha perlindungan akan menjadi rujukan kepada generasi akan datang dalam memahami ilmu sejarah peradaban masyarakat terdahulu.

Daripada permasalahan di atas, maka empat persoalan dibentuk:-

1. Apakah asal usul Tradisi Megalitik?
2. Bagaimanakah kondisi tapak dan bentuk Tradisi Megalitik tersebut?
3. Bagaimanakah bentuk asal struktur binaan tapak dolmen D01,D02 dan D03?
4. Apakah cabaran pemeliharaan Tradisi Megalitik tersebut?

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ialah menjelaskan tapak pengebumian Tradisi Megalitik di Long Pasia dalam konteks Tradisi Megalitik di Sabah dan Borneo umumnya. Empat objektif kecil yang menyokong ke arah objektif utama ialah:-

1. Membincangkan latar belakang Tradisi Megalitik di Malaysia.
2. Menganalisis kondisi reka bentuk, tapak dan sebarang tinggalan bersama dengan kubur batu kepingan dan dolmen dalam aspek fizikal tapak dan struktur binaan.